

23/05/2003

Singapura minta deposit pelajar RM2,500

Sazarina Shahrin

KUALA LUMPUR: Singapura mengenakan deposit S\$1,000 (RM2,500) ke atas semua

pelajar asing, termasuk dari Malaysia, yang berkunjung ke luar negara mulai 1 Jun ini untuk membiayai kos kuarantin 10 hari dan saringan perubatan mencegah penyebaran wabak Sindrom Pernafasan Yang Teruk (SARS).

Deposit itu dikenakan sebagai syarat untuk mendapatkan kad baru pelajar yang wajib dimohon semula bagi membolehkan penuntut berkenaan meneruskan pelajaran di negara itu.

Kementerian Pendidikan Singapura dalam kenyataan bertarikh 16 Mei lalu yang disiarkan dalam laman webnya, menjelaskan deposit serta permohonan mendapatkan kad baru pelajar perlu dikemukakan sebelum penuntut meninggalkan republik itu.

Syarat itu dikenakan ke atas semua pelajar asing di sekolah kebangsaan, institut pengajian teknikal, politeknik dan universiti di negara itu.

Mengikut kenyataan itu, deposit yang tidak digunakan akan dipulangkan kepada pelajar.

Sebelum ini, pelajar asing hanya perlu memohon sekali saja kad pelajar berharga S\$40 (RM100) setahun.

Bagaimanapun, dengan undang-undang baru yang berkuat kuasa 1 Jun ini, pelajar terpaksa membuat permohonan semula kad pelajar berserta deposit S\$1,000, walaupun hanya melawat Batam, Indonesia pada hujung minggu.

Ahad lalu, The Straits Times Singapura melaporkan pelajar, termasuk dari republik itu, yang berkunjung ke negara terjejas SARS akan dikuarantin di rumah dan diminta memberi laporan perubatan bagi mengesahkan mereka bebas SARS sebelum dibenarkan ke sekolah dan pusat pengajian.

Pelajar Malaysia yang berulang alik ke Singapura bagaimanapun tidak perlu membayar deposit itu, tetapi wajib mengemukakan penjamin.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang mengulas perkara itu, berkata pelajar yang kurang senang dengan tindakan Singapura boleh memilih negara lain untuk meneruskan pelajaran.

Pada sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno di sini semalam, Perdana Menteri berkata, tidak ada kemestian untuk terus belajar di Singapura jika negara itu menghadapi ancaman SARS.

"Kalau sudah terlalu teruk ancaman SARS di Singapura kenapa masih hendak belajar di sana. Kita (Malaysia) tidak ambil tindakan seumpama itu," katanya.

Ditanya sama ada tindakan Singapura itu akan menjejaskan hubungan dua hala dengan Malaysia, Perdana Menteri yakin Singapura mengenakan syarat yang sama ke atas semua pelajar, tidak kira dari negara mana dan tidak

terhad kepada pelajar Malaysia.

Sementara itu, Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Ismail Merican, berkata isu itu dibangkitkan pada mesyuarat jawatankuasa kesihatan sempadan bersama Malaysia-Singapura mengenai SARS di republik itu pada 6 Jun ini.

"Kebanyakan ibu bapa tidak mampu membayar deposit itu. Lagipun, pelajar

ada memberitahu bahawa universiti mereka mewajibkan pembayaran S\$70 (RM175) sehari jika dikuarantin.

"Ini bermakna mereka terpaksa membayar S\$700 (RM1,750)," katanya pada taklimat harian SARS, semalam.

Beliau berkata, Malaysia juga mewajibkan pelajar asing dikuarantin sekembalinya dari negara terjejas SARS, tetapi tidak mengenakan deposit.